

Longkang penuh pasir, sampah punca banjir

PUCHONG – Siasatan menyeluruh yang dilakukan pihak konsesi Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) mendapati beberapa faktor menjadi punca kejadian banjir kilat di Kilometer 21.5, petang Rabu lalu.

Ketua Jabatan Komunikasi Kumpulan Litrak, Shah Rizal Mohamed Fawzi berkata, hasil lawatan tapak Litrak bersama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) kelmarin mendapati keadaan longkang parit monsun berhampiran dipenuhi kelodak pasir dan sampah sarap.

Keadaan itu menyebabkan aliran air di parit berhampiran IOI Mall melimpah ke kawasan parkir pusat beli-belah terbabit.

Longkang di tapak pembinaan Stesen 6 transit aliran ringan (LRT) turut dipenuhi kelodak pasir manakala sistem perparitan antara stesen dan Sungai Klang tersekat berikutan terdapat banyak dahan pokok yang menghalang laluan air.

Sebagai langkah penyelesaian, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan mempercepatkan kerja-kerja penyenggaraan parit monsun berkenaan.

MPSJ akan berhubung dengan Syarikat Prasarana Berhad bagi membersihkan long-

kang di tapak pembinaan LRT.

“Kami dimaklumkan MPSJ juga akan berhubung dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk membersihkan longkang di antara tapak pembinaan projek LRT dengan Sungai Klang,” katanya.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan hujan lebat mengakibatkan ribuan kenderaan dari arah Puchong Jaya menghala ke Putrajaya terkandas apabila laluan LDP ditenggelami air.

Sementara itu, bekas Ahli Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), B Awtar Singh berkata, beliau kesal apabila syarat kebenaran merancang (KM) yang dilulus pada tahun 2007 tidak dilaksanakan pihak pemaju.

Dalam syarat itu dengan jelas menyebut pemaju perlu membina sebuah parit bersebelahan bangunan baru pusat beli-belah bagi menyalur air parit monsun sepanjang Persiaran Bandar Puchong Jaya Selatan melalui bawah tanah LDP.

Katanya, air itu boleh dialir terus ke kolam di belakang pusat beli-belah berkenaan.

“Bila berlaku banjir dengan mudah wakil rakyat menyalahkan kontraktor LRT sedangkan bencana itu sudah berlaku banyak kali sebelum kerja pembinaan dijalankan,” katanya.